

TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA MAJLIS

ERA NGOLI DIRMUSTAWA

PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 2 UTeM

KEKATAMBUK KEJELAMATAN KEMERIAHAN

PALOH, GUA MUSANG

PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 2 UTeM 2007

2007 JUN 10 PAGU

YANG DIRMATI KETUNJUTUA MATAKURAK

SEMELAJARRAN WANGSAHINI

KEJAWAJAWAN HUKUSA PERSEKUTUAN

KESELAMATAN PERUM W.B.T. DAN BALNE SECURIT

TEMPAT:

PALOH, GUA MUSANG

KELANTAN

Y.W.BATO NGOLJA DIRMATI DUAH

KEKATAMBUK KEJELAMATAN KEMERIAHAN

KEJAWAJAWAN HUKUSA PERSEKUTUAN

KEJAWAJAWAN HUKUSA PERSEKUTUAN

KESELAMATAN PERUM W.B.T. DAN BALNE SECURIT

ALHAMDULILLAH BERTYETAPUR KE UMUMNYA SELAM

F.B.H. DATO PROF. YAI NGONG HON DIRMATI DUAH

TARIKH :

05 JUN 2007

DWI KEMANA DENGAN LIMPAN KURKUNYA BAKTI

KESELAMATAN PERUM W.B.T. DAN BALNE SECURIT

KEKATAMBUK KEJELAMATAN KEMERIAHAN

YANG DIRMATI

KEKATAMBUK KEJELAMATAN KEMERIAHAN

KEKATAMBUK KEJELAMATAN KEMERIAHAN

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS
PERASMIAN PROGRAM BAKTI SISWA SIRI 2 UTeM
2007 BERTEMPAT DI DEWAN ORANG RAMAI,
PALOH, GUA MUSANG, KELANTAN PADA 05 JUN
2007 JAM 10 PAGI.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSLAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B DATO' NOZULA BIN MAT DIAH
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PALOH, GUA
MUSANG KELANTAN

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI, UTeM

YANG DIHORMATI

EN. ROSLI BIN MUSTAPA
JAWATANKUASA KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK)
FELDA CHIKU 1

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA MASYARAKAT,

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENDUDUK

SETERUSNYA HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA
HORMATI

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH
SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA MAKA
DIBERI KESEMPATAN KEPADA KITA UNTUK
BERKUMPUL PADA PAGI INI BAGI
MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
BAKTI SISWA SIRI 2/2007 INI.

SAYA BAGI PIHAK UNIVERSITI TERLEBIH DAHULU MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA PENDUDUK FELDA CHIKU 1, TERUTAMANYA KEPADA YANG BERHORMAT DATO' NOZULA BIN MAT DIAH KERANA SUDI HADIR BERSAMA PADA MAJLIS INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PROGRAM BAKTI SISWA (BAKSIS) INI MERUPAKAN YANG KE-8 DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI SEJAK PERTAMA KALI IA DIADAKAN PADA TAHUN 2003. DI NEGERI KELANTAN, BAKSIS INI ADALAH YANG KE 2 DIANJURKAN. KALI PERTAMA BAKSIS DIANJURKAN DI KELANTAN IALAH PADA 14 – 18 MEI 2006 BERTEMPAT DI JELI IAITU MELIBATKAN 80 ORANG MAHASISWA-MAHASISWI UTeM.

BAKSIS YANG DIADAKAN DI SINI MELIBATKAN PELAJAR SERAMAI 80 ORANG IAITU 47 ORANG LELAKI DAN 33 ORANG PEREMPUAN. IA TERDIRI DARIPADA PELAJAR PELBAGAI NEGERI TERMASUK 1 DARIPADA SABAH.

PADA KALI INI HAMPIR KESEMUA PELAJAR YANG MENYERTAI PROGRAM BAKSIS DI SINI ADALAH BERBANGSA MELAYU. NAMUN PADA MASA-MASA YANG LEPAS TERDAPAT JUGA PELAJAR YANG MENYERTAINYA ADALAH TERDIRI DARIPADA BANGSA CINA, INDIA DAN LAIN-LAIN BANGSA TERMASUK DARI SABAH DAN SARAWAK.

PENYERTAAN PROGRAM BAKSIS INI ADALAH TERBUKA KEPADA SEMUA PELAJAR UTeM TANPA MENGIRA KAUM DAN DIBUAT SECARA SUKARELA IAITU TANPA PAKSAAN. INI BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MERASA LEBIH SERONOK DAN DAPAT MENGHAYATI TUJUAN PROGRAM DIADAKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

OBJEKTIF UTAMA PROGRAM INI DIADAKAN IALAH SUPAYA MAHASISWA-MAHASISWI UTeM DAPAT MENDEKATKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT DI SESEBUAH TEMPAT DI MANA BAKSIS DIADAKAN. INI AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MEMPELAJARI KEHIDUPAN DI SITU.

INI BERMAKNA, PROGRAM YANG BERLANGSUNG DI SINI AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA PELAJAR UNTUK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERSEKITARAN DI FELDA CHIKU 1 INI, BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA DAPAT MENGENALI PENDUDUK DI SINI DALAM PELBAGAI ASPEK KEHIDUPAN MASYARAKATNYA.

IA MEMBERI PELUANG KEPADA PELAJAR SUPAYA MENGETAHUI SUASANA KEHIDUPAN DI FELDA INI

YANG BERBEZA DENGAN SUASANA PEMBELAJARAN DI KAMPUS. YANG LEBIH PENTING DARIPADA ITU IALAH PESERTA PROGRAM DAPAT MEMAHAMI ADAT RESAM DAN BUDAYA PENDUDUK SUPAYA MEREKA DAPAT MEMPELAJARI DAN MENGHORMATI NORMA HIDUP SESEBUAH MASYARAKAT YANG DIKENALINYA.

HAL INI PERLU KERANA DALAM USAHA KITA MELAHIRKAN MAHASISWA YANG BERILMU, KITA JUGA PERLU MENGISI DIRI MEREKA DENGAN PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN KEHIDUPAN SUPAYA MEREKA MENJADI LEBIH MATANG, BERTIMBANGRASA DAN BERTOLERANSI.

NEGERI KELANTAN YANG TERKENAL DENGAN PEGANGAN KUKUH KEPADA ASAS AGAMA, BUDAYA DAN ADAT RESAM KHUSUSNYA DI FELDA CHIKU 1 INI AKAN DAPAT MENDIDIK MEREKA UNTUK

MENJADI INSAN YANG LEBIH SEMPURNA UNTUK BERBAKTI KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIATUR SEPANJANG PROGRAM INI BERLANGSUNG IAITU :

- I) PENYERAHAN PELAJAR UNTUK DIBIMBING OLEH KELUARGA ANGKAT
- II) SOLAT SECARA BERJEMAAH DI MASJID
- III) BENGKEL PENGGUNAAN KOMPUTER DAN ICT OLEH PELAJAR
- IV) KELAS BIMBINGAN PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS, MATEMATIK DAN SAINS OLEH PELAJAR UTeM KEPADA PELAJAR UPSR
- V) SUKANEKA DENGAN PENDUDUK KAMPUNG

- VI) PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN OLEH PELAJAR UTeM DAN PERSEMBAHAN DIKIR BARAT OLEH PENDUDUK KAMPUNG,

MERUPAKAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG DAPAT MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA WARGA UNIVERSITI DENGAN PENDUDUK DI SINI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MAHASISWA-MAHASISWI HARI INI ADALAH HARAPAN BANGSA YANG BAKAL MEWARISI KEPIMPINAN NEGARA UNTUK MEMBAWA MALAYSIA KE MERCU KECEMERLANGAN. SEBAGAI PEMIMPIN MUDA, MEREKA PERLU AKTIF BERPESATUAN DAN MENYERTAI PROGRAM - PROGRAM KEMASYARAKATAN SEUMPAMA INI SUPAYA MEREKA DAPAT MEMBUKA MINDA SERTA DAPAT

MENGIMBANGI KECEMERLANGAN AKADEMIK DENGAN TUNTUTAN SOSIAL.

SIFAT-SIFAT KEPIMPINAN SEPERTI KEPERIBADIAN UNGGUL, JATI DIRI YANG KUKUH DAN BERKARISMA PERLU DIPERTEGUHKAN SEAWAL DI PERINGKAT UNIVERSITI LAGI. BAKSIS YANG DIADAKAN INI DAPAT MEMUPUK SEMUA CIRI-CIRI TADI SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR MANTAP UNTUK MEMIKUL AMANAH SEBAGAI PEMIMPIN MASA DEPAN.

DENGAN ITU MATLAMAT BAGI MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG SYUMUL DAN BERILMU SERTA MENJADI *ROLE MODEL* KEPADA MASYARAKAT AKAN DAPAT DICAPAI MELALUI PENGALAMAN INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SEBELUM MENGUNDUR DIRI, SAYA INGIN MEMOHON KEMAAAFAN TERLEBIH DAHULU KEPADA SEMUA PENDUDUK FELDA CHIKU 1 INI, TERUTAMANYA KEPADA KELUARGA ANGKAT PELAJAR-PELAJAR SAYA SEKIRANYA TERDAPAT PELAJAR-PELAJAR INI MENIMBULKAN MASALAH YANG TIDAK SENANG MATA MEMANDANG.

SESUAI DENGAN KONSEP KELUARGA ANGKAT YANG DILAKUKAN, SAYA MOHON SUPAYA MEREKA DITEGUR SEKIRANYA MEREKA MELAKUKAN KESILAPAN SEPANJANG PROGRAM INI BERLANGSUNG.

SAYA JUGA BERHARAP AGAR JALINAN KEKELUARGAAN YANG DIMULAKAN PADA PROGRAM BAKSIS INI DAPAT DITERUSKAN SETELAH TAMAT PROGRAM NANTI. KEPADA ANAK-ANAK ANGKAT DATANGLAH MENJENGIK

KELUARGA ANGKAT MASING-MASING DI SINI
UNTUK BERTANYAKAN KHABAR.

BEGITU JUGA DENGAN KELUARGA ANGKAT PARA
PELAJAR SUDILAH DATANG KE UTeM UNTUK
MELIHAT PERKEMBANGAN ANAK ANGKAT MASING-
MASING DI SAMPING DAPAT MELAWAT MELAKA
NEGERI BERSEJARAH DI MANA SEGALANYA
BERMULA.

AKHIR KATA, SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA
KASIH DI ATAS KERJASAMA SEMUA PIHAK YANG
MENJAYAKAN PROGRAM BAKTI SISWA INI DAN
SEMOGA PROGRAM YANG BERLANGSUNG INI
BENAR-BENAR MEMBERI KEJAYAAN.

SEKIAN, TERIMA KASIH.